



**IBU PEJABAT POLIS  
DAERAH DANG WANGI  
JALAN DANG WANGI  
50100 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-26002222  
Faks : 03-26913582  
Emel : kpddwangi@rmp.gov.my

**Mr. Alvin Oh Seong Yew**  
Pengerusi Jawatankuasa Bar Kuala Lumpur  
Unit 4.02, Level 4  
Wisma Badan Peguam Malaysia  
No. 2, Lebuh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur

Ruj.kami : 35  
Tarikh : 18 Ogos 2023

Tuan,

**PEGUAM TIDAK DIBENARKAN MASUK KE KAWASAN LOKAP UNTUK PROSES REMAN**

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menarik perhatian kepada perkara di atas.

2. Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur telah menerima surat tuan pada 31/7/2023. Setelah meneliti maklumbalas tersebut, merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh YDH Ketua Polis Daerah Dang Wangi bertarikh 22/10/2020 yang menerangkan persetujuan bagi pihak peguam untuk berjumpa dengan anak guamnya yang akan terlibat dalam proses reman hendaklah mengikut Prosedur Operasi Standard seperti mana yang terkandung di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara A118.

3. Walau bagaimanapun, penambahbaikan yang telah dibuat adalah seperti berikut :-

| Bil | Perkara                               | Tetapan Masa           |
|-----|---------------------------------------|------------------------|
| 3.1 | Waktu Serah Borang reman ke lokap     | 0900hrs                |
| 3.2 | Peguam menemuduga tahanan             | 0900hrs – 1030hrs      |
| 3.3 | Kehadiran Majistret bagi proses reman | 1030hrs hingga selesai |

4. Pihak kami juga berharap agar pihak tuan dapat memaklumkan kepada mana-mana peguam persendirian yang akan mewakili tahanan agar hadir bersama surat pelantikan untuk mewakili tahanan bagi memudahkan proses masuk/keluar daripada kawasan kompaun lokap IPD Dang Wangi bagi berjumpa dengan tahanan untuk proses reman.


5. Keprihatinan dan jasa baik tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

'Saya yang menjalankan amanah',

  
**(NOOR BELLHAN BIN YAHAYA) ACP**  
Ketua Polis Daerah  
Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi  
Kuala Lumpur.